

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 DISEMBER 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 24

### Fokus utama isu ekonomi berstruktur

# Fokus utama isu ekonomi berstruktur

**Putrajaya:** Kementerian Ekonomi akan bekerjasama rapat dengan kementerian lain untuk menyediakan senario dan perancangan bagi memastikan Malaysia meraih pendapatan yang lebih kukuh.

Menterinya Mohd Rafizi Ramli berkata isu-isu ekonomi berstruktur, yang kini fokus utama bagi kerajaan perpaduan, perlu ditangani dengan pendekatan lebih kreatif dan inovasi terutamanya memandangkan cabaran yang dihadapi negara sekarang.

“Malaysia tidak boleh terlalu bergantung kepada hasil yang berasaskan kepada sumber semula jadi atau komoditi.

“Saya yakin ia adalah perkara yang akan menjadi fokus untuk memastikan hasil kita lebih kukuh,” katanya selepas persidangan permulaan ka-

jian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), semalam.

Mohd Rafizi berkata beliau berharap dapat melihat pendekatan daripada pelbagai sudut untuk mengukuhkan hasil negara.

Menurutnya, pencukaaian bukan satu-satunya sudut yang perlu diberi tumpuan bagi tempoh jangka panjang.

“Kita mahu mempelbagaikan pencukaaian kita agar ia menjadi lebih kukuh dan kurang bergantung kepada industri tertentu.

“Proses itu tidak boleh diputuskan atau dilakukan secara mengejut dalam masa beberapa bulan, ia akan mengambil sedikit masa, tetapi tugas kami (kementerian) adalah memastikan kami menyediakan perancangan mencukupi untuk dipertimbangkan Kabinet,” katanya.